



SERONOK...aksi dua kanak-kanak bermain air banjir di Jalan Kebun.

250 keluarga tak lena tidur


SHAH ALAM: Tidur kira-kira 250 keluarga di Kampung Jalan Kebun, di sini, tidak pernah lena setiap kali hujan lebat kerana bimbang rumah dinaiki air berikutan kekerapan berlaku banjir kilat di kawasan itu tanpa mengira waktu.

Malah, dalam tempoh sebulan rumah mereka sudah tiga kali dinaiki akibat banjir kilat yang didakwa berpunca daripada laluan air di bawah Lebuhraya Konsortium Shah Alam Selangor (Kesas) yang

terletak berhampiran kampung berkenaan.

Ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKP), Buang Abdul Basir, 52, yang mewakili penduduk terbabit berkata, pihaknya kesal kerana Kesas gagal menunaikan janjinya untuk menyelenggara laluan air berkenaan sejak lima tahun lalu.

“Kami tidak pernah nampak laluan air itu diselenggara selama lima tahun dan ia kini berkeladak menyebab-



BESAR...Idris Harun (kiri) dan Azizul Mohammad menangkap ikan dalam banjir di Kampung Jalan Kebun.

kan aliran air tersekat, sekali gus melimpah ke parit berdekatan sebelum memasuki rumah penduduk.

“Pihak Kesas berjanji lima tahun lalu untuk menguruskan laluan air berkenaan dan menyedut kelodak yang menyekat aliran air sehingga kerap berlaku banjir di sini,” katanya ketika ditemui selepas mengadakan demonstrasi bersama 100 penduduk di lokasi banjir di kampung berkenaan, semalam.

Sementara itu, Timbalan Pengarah Komunikasi Korporat Kesas, Abdul Rashid Rahman, ketika dihubungi memberi jaminan pihaknya memberi perhatian segera mengenai dakwaan penduduk terbabit.

Katanya, selain memikirkan langkah bagi mengatasinya, Kesas juga akan mengadakan perbincangan bersama pengurusan Jabatan Pengaliran dan Saliran (JPS) bagi memastikan masalah itu diatasi.